



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 5

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|---|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| KEMAHIRAN DENGAR TUTUR | | | |
| 1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran | <p>1.1.1 Mendengar, mengenal, menyebut dan mengenal pasti perbezaan makna dan fungsi perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan jelas dan betul.</p> <p>1.1.2 Mendengar, memahami dan menuturkan ayat dalam pelbagai jenis komunikasi lisan dengan betul.</p> | | |
| 1.2 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dalam pelbagai ujaran. | 1.2.1 Mendengar dan memberikan respons dalam pelbagai jenis ayat tanpa mengubah maksud konteks ayat | | |
| 1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons. | 1.3.1 Mendengar dan menghubungkan maklumat daripada pengetahuan sedia ada dengan fakta baharu secara betul, tepat dan bermakna. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|---|---|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| | 1.3.2 Mendengar dan menjana idea baharu daripada maklumat yang diperolehi dengan betul dan bermakna. | | |
| 1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal. | 1.4.1 Memberikan maklum balas yang berbentuk idea baharu dalam perbualan secara bertatasusila. 1.4.2 Berbahas tentang sesuatu perkara dengan mengemukakan fakta yang logik dan relevan secara bertatasusila. | | |
| 1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan. | 1.5.1 Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila. 1.5.2 Bersoal jawab dalam pelbagai situasi untuk mengemukakan idea baharu bagi meningkatkan kebolehpasaran diri secara bertatasusila. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|---|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 1.6 Mempersembahkan maklumat secara lisan tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi | | 1.6.1 Mempersembahkan idea dan maklumat dalam pelbagai situasi dengan betul, tepat dan jelas serta menggunakan intonasi yang sesuai secara kreatif dan bertatasusila | |
| 1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara | <p>1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk menerima atau menolak hujah secara rasional dan bertatasusila.</p> <p>1.7.2 Berunding secara kritis untuk membuat keputusan dengan memberikan justifikasi tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</p> | | |
| 1.8 Mengulas sesuatu perkara, isu atau topik | <p>1.8.1 Merumus dan mengulas isu semasa secara kritis dan bernas dengan menggunakan ayat yang gramatis</p> <p>1.8.2 Merumus dan menilai kekuatan dan kelemahan karya secara kritis dengan</p> | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|---|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| | menggunakan ayat yang gramatis. | | |
| KEMAHIRAN MEMBACA | | | |
| 2.1 Membaca secara mekanis pelbagai bahan prosa dan puisi | | 2.1.1 Membaca pelbagai jenis teks untuk mengenal pasti dan membandingkan intonasi serta nada yang sesuai. 2.1.2 Membaca petikan prosa dan puisi dengan intonasi yang betul dan nada yang sesuai berdasarkan situasi. | |
| 2.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan. | 2.2.1 Membaca untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan maklumat daripada bahan dan sumber yang berbeza dengan betul menggunakan pelbagai teknik bacaan. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|--|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan | <p>2.3.1 Membaca, menilai dan membandingkan bahan teks yang berbeza dengan betul berdasarkan bukti yang terdapat dalam teks menggunakan teknik bacaan yang sesuai.</p> <p>2.3.2 Membaca untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah daripada pelbagai bahan menggunakan teknik bacaan yang sesuai.</p> <p>2.3.3 Membaca untuk membuat inferens daripada pelbagai bahan dengan betul menggunakan teknik bacaan yang sesuai.</p> <p>2.3.4 Membaca untuk membuat ulasan daripada pelbagai bahan dengan menggunakan analogi yang betul dan tepat menggunakan teknik bacaan yang sesuai.</p> | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|---|--|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| | 2.3.5 Membaca untuk merumus pandangan daripada penulis yang berbeza tentang sesuatu isu berdasarkan bukti secara rasional menggunakan teknik bacaan yang sesuai. | | |
| 2.4 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa dan meluaskan pengetahuan bagi pembangunan diri | | 2.4.1 Membaca pelbagai bahan ilmiah untuk membuat refleksi bagi meningkatkan pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. | |
| KEMAHIRAN MENULIS | | | |
| 3.1 Menulis untuk menerangkan makna kata dan istilah, rangkai kata, ungkapan dan ayat. | | 3.1.1 Menulis untuk menjelaskan maksud ayat dalam sesuatu petikan dengan betul mengikut konteks. | |
| 3.2 Menulis untuk mengemukakan maklumat tentang sesuatu perkara. | 3.2.1 Menulis untuk membuat justifikasi berdasarkan penilaian sesuatu perkara dengan menggunakan ayat yang gramatis. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|--|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 3.3 Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan. | 3.3.1 Menulis untuk melengkapkan maklumat dengan membuat pertimbangan yang relevan dalam pelbagai bahan. | | |
| 3.4 Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang. | <p>3.4.1 Menulis kerangka karangan dengan menyusun dan menganalisis isi penting secara terancang.</p> <p>3.4.2 Menulis untuk menghuraikan perenggan isi secara kritis dan kreatif dengan menggunakan bahasa yang gramatis.</p> <p>3.4.3 Menulis untuk menghasilkan pelbagai jenis karangan yang lengkap dengan menggunakan bahasa berbudaya.</p> | | |
| 3.5 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik | 3.5.1 Menulis untuk mengolah maklumat dan membuat justifikasi daripada pelbagai bahan dan sumber bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan bahan | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|--|--------------------|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| | grafik dengan menggunakan ayat yang sesuai. | | |
| | 3.5.2 Menulis untuk mengolah dan menghubungkan kait maklumat daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan penulisan dan bahan grafik dengan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai. | | |
| 3.6 Mengedit dan memurnikan pelbagai teks. | 3.6.1 Memurnikan kesalahan bahasa dan menganalisis kejituan serta kesinambungan idea dalam pelbagai teks. | | |
| ASPEK SENI BAHASA | | | |
| 4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastra. | 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam prosa moden dan prosa tradisional. 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi untuk menghubungkan kait aspek yang menarik dalam puisi moden dan puisi tradisional. | | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|---|--|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 4.2 Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan | 4.2.1 Memahami dan menggunakan perbandingan semacam, kata-kata hikmat, kiasan, madah pujangga dan bahasa berirama dengan betul mengikut konteks. | | |
| 4.3 Menghasilkan karya kreatif dalam bentuk prosa dan puisi. | 4.3.1 Menghasilkan skrip drama dengan menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik. 4.3.2 Menghasilkan gurindam secara tertib, menggunakan idea yang kreatif serta bahasa yang indah. | | |
| 4.4 Mempersembahkan pelbagai prosa dan puisi secara kreatif. | | 4.4.1 Mempersembahkan drama dalam bentuk multimedia secara kreatif dan menarik. 4.4.2 Mempersembahkan seloka dan gurindam dengan nada dan intonasi yang sesuai menggunakan pelbagai media secara kreatif. | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|----------------------------|--|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| | | 4.4.3 Mempersembahkan sedutan novel secara langsung dengan kreatif dan menarik. | |
| ASPEK TATABAHASA | | | |
| 5.1 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang | | 5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. 5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. 5.1.3 Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran (SP) | | |
|--|--|---|---------------------|
| | Kandungan Asas | Kandungan Tambahan | Kandungan Pelengkap |
| 5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang | | 5.2.1 Memahami dan menggunakan golongan kata dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. | |
| 5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang | 5.3.1 Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks. 5.3.2 Memahami dan menggunakan ayat terbitan dengan betul mengikut konteks. | 5.3.3 Memahami dan menggunakan ayat majmuk yang betul mengikut konteks. 5.3.4 Memahami dan menggunakan ragam ayat yang betul mengikut konteks. | |

Panduan pelaksanaan:

1. Guru disarankan agar mengutamakan SP pada ruang asas sebagai SP fokus dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. SP kandungan asas boleh digabungkan dengan SP Kandungan tambahan atau SP kandungan pelengkap.
3. SP kandungan asas memerlukan bimbingan daripada guru dan boleh dilaksanakan secara bersemuka atau secara Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)
4. SP kandungan tambahan dan SP Kandungan pelengkap pula boleh dilaksanakan secara PdPR.
5. Guru boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid.
6. Guru juga digalakkan mengenal pasti dan menetapkan SP kandungan asas/tambahan/pelengkap mengikut tahap penguasaan murid di sekolah masing-masing.
7. SP aspek tatabahasa dan aspek seni bahasa boleh diajar secara penggabungjalinan dengan SP kemahiran membaca, kemahiran dengar tutur dan kemahiran menulis mengikut kesesuaian pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917